

Newspaper  
Date

Berita Harian  
2 March 2016

# PROTON agresif teroka pasaran Amerika Selatan

BH-2/3/2016

» Berpotensi besar untuk pertumbuhan jualan kereta nasional

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

**P**ROTON Holdings Bhd (PROTON) merancang meneroka pasaran Amerika Selatan secara lebih agresif, destinasi yang dilihat berpotensi besar untuk pertumbuhan jualan pengeluar kereta nasional itu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Harith Abdullah, berkata bagi tujuan itu, pihaknya mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pengedar utama berpotensi bagi membolehkan syarikat mengembangkan perniagaannya.

"Amerika Selatan memiliki pasaran besar dan kita tidak mahu ketinggalan untuk meneroka pasaran berkenaan.

"Cuma, kita agak selektif untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak kerana PROTON perlu dapat (rakan niaga) yang betul, boleh bekerja dengan kita dan menjalinkan kerjasama lebih besar pada masa depan," katanya kepada media selepas majlis penghantaran kumpulan pertama eksport Proton Preve ke Chile di Subang Jaya, semalam.

Majlis itu disempurnakan Pengerusi PROTON, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Harith berkata, sebagai permulaan bagi menyokong pelan eksport ke Amerika Selatan, pihaknya memasuki semula pasaran Chile selepas eksport terakhirnya ke negara itu memabitkan model Proton Wira pada 1998.

Katanya, sebanyak 50 unit



Dr Mahathir bersama Harith (kanan); Pengarah PROTON, Datuk Syed Mohamad Syed Murtaza (dua dari kiri) dan Duta Chile di Malaysia, Francisco Mason pada majlis perasmian penghantaran kumpulan pertama eksport Proton Preve ke Chile di Subang Jaya, semalam.

(FOTO SARIEN NAFIS/BH)

kumpulan pertama Proton Preve pemanduan sebelah kiri (LHD) akan dieksport ke San Antonio, Chile iaitu daripada 1,000 kereta yang dirancang dijual di sana, tahun ini.

#### Pengecualian duti import

"PROTON menikmati pengecualian duti import enam peratus menerusi inisiatif FTA Malaysia-Chile. Ia memberi peluang kepada kami untuk mengenal pasti pasaran berpotensi bagi kenderaan LHD," katanya yang menyasarkan untuk mengeksport kira-kira 1,200 unit kereta setahun ke Chile.

Di Chile, kereta Proton akan dijual menerusi anak syarikat Kaufman Group, Andes Motor yang dilantik sebagai pengedar selepas menandatangani Perjanjian Pengedar bersama PROTON pada 1 Julai tahun lalu.

Bagi pasaran Chile, kereta Preve dijual pada harga dari AS\$17,000 seunit.

Selain model Preve, PROTON

juga akan mengeksport model Exora dan Saga, masing-masing bermula Mei dan November tahun ini.

"Selain Preve, model Exora dan Saga LHD juga akan dipasarkan di bandar utama Chile iaitu Santiago, Concepcion Vina La Serena, Antofagasta dan Valdivia Temuco Osorno," kata Harith sambil menambah Chile

bakal menjadi antara penyumbang utama kepada pasaran eksport PROTON tahun ini.

Harith berkata, selepas membuat kemunculan semula di Chile, model kereta Proton juga akan mengembangkan jenamanya di Bangladesh mulai Jun tahun ini.

Lebih menarik, katanya, syarikat tempatan di Bangladesh bersetuju untuk melabur bagi membangunkan kilang pemasangan tempatan (CKD) untuk model Preve, Exora dan Saga bermula pertengahan tahun ini.

"PROTON sudah memasuki pasaran Bangladesh sebagai ujian memabitkan 10 unit Preve dan ia dijual sepenuhnya. Selepas program CKD dimulakan, kita jangkakan sasaran jualan sekitar 1,000 unit setahun," katanya.

Secara keseluruhan, beliau berkata, PROTON menyasarkan mengeksport 6,000 hingga 7,000 unit tahun ini, berbanding 5,000 unit tahun lalu.

#### INFO

#### Model eksport Proton ke Chile

- Preve 1.6 Standard MT
- Preve 1.6 Executive MT
- Preve 1.6 Premium CVT
- Exora 1.6 Standard CVT
- Exora 1.6 Premium CVT
- Saga FLX 1.6 Standard MT
- Saga FLX 1.6 Premium MT